

Akal Budi Dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun

Akal Budi and Reflection of Malay Identity in Pantun

Norazimah Zakaria¹, Azlina Abdullah², Sharifah Zarina Syed Zakaria³, Mimi Hanida Abdul Mutalib⁴, Alizah Lambri⁵, Siti Salwa Jamaludin⁶, Mashitah Sulaiman⁷ & Rosmah Derak⁸

ABSTRAK

Akal budi mencerminkan perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang manusia yang mendokong kebijaksanaan, kehalusan jiwa serta keindahan. Perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang ini diterjemahkan dalam pelbagai rupa, namun yang paling lazim ialah dalam bentuk penghasilan karya seni, khususnya dalam bentuk seni tampak dan seni sastera. Bagi tujuan makalah ini, akal budi dimaksudkan sebagai bijaksana dalam menyampaikan idea dan pemikiran. Manakala nilai jati diri dalam kalangan masyarakat boleh diterapkan melalui nilai pengajaran dan faedah yang terdapat di dalam sastera Melayu tradisi. Di antara berbagai kekayaan seni sastera Melayu tradisi ialah pantun dan penggunaannya sangat menonjol dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu kala. Keindahan pantun bukan sahaja terletak pada pilihan kata serta kalimatnya yang berima, tetapi terkandung di dalamnya makna dan falsafah yang sangat baik mewakili pancaran pemikiran masyarakat tradisi dahulu. Terdapat banyak pantun yang terakam di dalamnya tunjuk ajar, atau nasihat dan berkaitan tentang cara hidup beragama, bermasyarakat, dan berkeluarga. Makalah ini akan menggunakan pendekatan Bragisnky V.I (1994) mengenai sfera keindahan dan faedah dalam melihat makna dan fungsi pantun kepada masyarakat. Justeru, tunjuk ajar dalam pantun Melayu dapat mewariskan nilai jati diri dalam kalangan masyarakat bermula daripada peringkat kanak-kanak sehinggalah dewasa. Akal budi Melayu dalam pantun tergambar melalui pemilihan perkataan yang tertentu dan menggambarkan pemikiran di sebalik keindahannya dan seterusnya menjadi cermin jati diri bangsa Melayu.

Kata Kunci: Nilai, Jati Diri, Pantun, Sastera, Masyarakat

¹ Norazimah Zakaria (PhD, Profesor Madya), Universiti Pendidikan Sultan Idris. norazimah@fbk.upsi.edu.my

² Azlina Abdullah (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia. azlina_ab@ukm.edu.my

³ Sharifah Zarina Syed Zakaria (PhD, Profesor Madya), Universiti Kebangsaan Malaysia. szarina@ukm.edu.my

⁴ Mimi Hanida Abdul Mutalib (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia. mimi8ab@ukm.edu.my

⁵ Alizah Lambri (PhD), Universiti Pendidikan Sultan Idris. alizah@fbk.upsi.edu.my

⁶ Siti Salwa Jamaludin, Universiti Pendidikan Sultan Idris. salwa@fskik.upsi.edu.my

⁷ Mashitah Sulaiman (PhD), Universiti Sains Islam Malaysia. mashitah@usim.edu.my

⁸ Rosmah Derak (PhD), Universiti Malaysia Sabah. rosmah@ums.edu.my

ABSTRACT

'Akal budi' reflects the actions, thoughts and attitudes of a human being who support wisdom, finesse and beauty. The actions, thoughts and attitudes of one person are translated into various forms, but the most common is in the form of artworks, especially in the form of visual arts and literature. For the purpose of this paper, 'akal budi' is meant to be wise in conveying ideas and thoughts. Meanwhile the value of identity among society can be inculcated through the value of teaching and benefits found in traditional Malay literature. Among the many wealth of traditional Malay literature is 'pantun' and its use is very prominent among the Malay community of ancient times. The beauty of the 'pantun' lies not only in its choice of words and rhyming phrases, but also in the deep meaning and excellent philosophy which represent the reflection of minds among society from ancient traditions. Many of these 'pantun' contain advices and guidance related to social, religious, and family life. This paper will use Bragisnky V.I (1994) approach regarding the sphere of beauty and its values in viewing the meaning and role of the 'pantun' to society. Hence, knowledge in Malay 'pantun' can pass on the value of identity among the members of society starting from childhood until adulthood. The "Akal Budi Melayu" in pantun is illustrated through the selection of certain words and reflects the thinking behind its beauty and thus becomes a mirror of the identity of the Malays.

Keywords: *Values, Identity, Pantun, Literature.*

Pengenalan

Nilai jati diri dalam kalangan masyarakat Melayu boleh diterapkan melalui nilai pengajaran dan faedah yang terdapat di dalam sastera Melayu tradisi. Dalam kelompok kesusasteraan Melayu tradisional, pantun merupakan wadah sastera berbentuk lisan yang disampaikan secara turun temurun daripada satu generasi kepada generasi yang berikutnya. Bentuk lisan ini juga dikenali sebagai sastera rakyat. Ia juga terbahagi kepada dua jenis iaitu berbentuk cerita dan bukan cerita. Pantun, peribahasa, teromba, mantera, zikir, gurindam dan lain-lain adalah sastera lisan di bawah kategori bukan cerita.

Keindahan pantun bukan sahaja terletak pada pilihan kata serta kalimatnya yang berima, tetapi terkandung di dalamnya makna dan falsafah yang sangat baik mewakili pancaran pemikiran masyarakat tradisi dahulu. Terdapat banyak pantun yang terakam di dalamnya tunjuk ajar, atau nasihat dan berkaitan tentang cara hidup beragama, bermasyarakat, dan berkeluarga.

Makalah ini membincangkan tentang makna dan fungsi pantun kepada masyarakat. Justeru, tunjuk ajar dalam pantun Melayu dapat mewariskan nilai jati diri dalam kalangan masyarakat bermula daripada peringkat kanak-kanak sehinggalah dewasa melalui fungsi indah dan faedah yang boleh dimanfaatkan daripada satu generasi kepada satu generasi seterusnya.

Metodologi

Makalah ini menggunakan pendekatan Bragisnky V.I (1994 & 1998) mengenai sfera keindahan dan faedah dalam melihat makna dan fungsi pantun kepada masyarakat. Peranan sastera dalam sistem sastera boleh dilihat melalui tulisan Braginsky (1994) dalam buku *Erti*

Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik. Beliau telah mengkategorikan penghasilan karya oleh pengarang Melayu tradisional dalam tiga sfera iaitu sfera keindahan, sfera faedah dan sfera rohani. Ketiga-tiga sfera ini wujud dalam hierarki dengan sfera rohani menduduki kedudukan paling tinggi diikuti oleh sfera faedah dan seterusnya sfera keindahan. Ini bermakna dalam pengkategorian tersebut, Braginsky meletakkan karya-karya dalam sfera kerohanian sebagai karya yang paling baik dihasilkan oleh pengarang dan diikuti oleh karya-karya dalam sfera faedah. Karya-karya dalam sfera keindahan dianggapnya karya yang paling rendah kedudukannya. Menurut Braginsky (1994: 48) seorang pengarang berada di peringkat yang paling rendah sekiranya dia menghasilkan sebuah karya yang penuh keindahan (keindahan luaran) dan kerana itu mampu memulihkan harmoni perasaan dalam hati pembaca, dalam nafsu haiwaninya. Karya-karya dalam sfera faedah pula bertujuan menyumbang kepada intelek. Yang dipentingkan dalam sfera ini ialah cerita-cerita yang boleh merangsang akal untuk berfikir dan memberikan nasihat (Norazimah 2011).

Penemuan Dan Perbincangan

Pantun dalam masyarakat Melayu

Pantun ialah sejenis puisi yang terikat, umumnya terdiri daripada empat baris serangkap, mempunyai rima akhir a-b-a-b. Setiap rangkap mempunyai pembayang dan maksud. Pantun boleh menjadi dua baris, empat baris, enam baris, dua belas baris dan seterusnya pantun berkait. Pantun mempunyai peranannya yang tersendiri dalam masyarakat Melayu, antara peranan pantun menurut A. Halim Ali et al. (2011: 189) ialah:

1. Alat untuk mendapat gambaran masyarakat, terutamanya sebagai gambaran minda dan pemikiran masyarakat Melayu, pandangan hidup, harapan, dan cita-cita.
2. Alat untuk menguji ketajaman minda dan kehalusan perasaan. Sebagai contoh pantun teka-teki, pantun peribahasa dan lain-lain.
3. Diperguna juga dalam kegiatan seni, keagamaan dan adat istiadat.
4. Digunakan untuk pendidikan sama ada untuk menyindir, kiasan atau berterus terang.
5. Alat untuk hiburan dan bahan untuk jenaka seperti pantun jenaka, pantun permainan dan lain-lain.
6. Alat untuk berkomunikasi untuk menyampaikan isi hati. Sebagai contoh sanjungan, pemujaan dan ucapan selamat kepada seseorang dalam majlis upacara atau majlis rasmi.

Berdasarkan fungsi pantun di atas maka pantun mempunyai peranan yang tersendiri dalam memberikan pengaruh nilai yang baik dalam kehidupan masyarakat tradisi. Fenomena berpantun dalam kalangan masyarakat tradisi amat penting kerana ia berhubung kait dengan pancaran akal budi pemikiran masyarakat pada masa itu disamping memberi hiburan dan didaktik atau pengajaran kepada khalayak.

Menurut Tenas Effendy (2004: 123) tradisi Melayu amatlah memperhatikan sopan santun dalam pergaulan sehari-harinya. Tradisi ini melahirkan “pantun larang” yang membatasi dirinya dalam bersenda gurau, berkelakar atau sindir menyindir. Ungkapan “pantang larang” yang berbunyi “banyak tertawa banyak dukanya”, “banyak gelak banyak balaknya” atau “banyak gurau banyak risau” atau “pantang berseloroh di depan orang”, “pantang berguna tak menentu” dan sebagainya menyebabkan orang Melayu selalu berhati-

hati dalam berkelakar. Mereka tidaklah secara bebas dapat berkelakar dan bersenda gurau, tetapi haruslah memperhatikan lingkungannya, lawannya berkelakar, serta isi kelakarnya supaya tidak dianggap melanggar tata kesopanan yang dianut masyarakatnya, terutama supaya tidak dianggap sebagai orang tak tahu adat atau tidak bersopan santun.

Keindahan dalam pantun terdiri daripada dua aspek iaitu keindahan luaran (aspek stailistik) yang merujuk kepada penggunaan gaya bahasa, intonasi suara, penggunaan bahasa yang bersukat, berirama dan berentak. Manakala keindahan dalaman pantun dilihat daripada isi kandungan (content) yang mempunyai unsur-unsur emotif dan sebagainya.

Sejauh mana keupayaan teknik ini menimbulkan kesan keindahan bunyi yang mengasyikkan. Keindahan yang menyentuh deria dengar. Ia meninggalkan bunyi merdu dan seronok didengar oleh khalayak. Bunyi suku kata dalam pantun dapat melalaikan dan melekakan khalayak yang mendengarnya. Terdapatnya ungkapan bahasa yang indah dan teratur bersesuaian dengan maksud yang hendak disampaikan. Pemakaian bahasa yang pelbagai menunjukkan kebijaksanaan dan kekreatifan orang Melayu tradisi. Pantun ialah dunia yang dibina oleh kata-kata. Keberkesanan penyampaiannya bergantung kepada keupayaan memanipulasi aspek bahasa agar ia menjadi sebuah wacana yang penuh dengan wadah dan pemikiran.

Yang ketiga ialah mata hati atau batin atau akal penuh yang berkait dengan sfera rohani. Seni yang lahir dari mata hati bukan sahaja mendidik deria akal, tetapi roh, untuk mengukuhkan iman dan mencerahkan kerohanian. Matlamat akhirnya ialah manusia itu “bersatu” dengan Tuhannya. Justeru, berdasarkan kesedaran diri sastera, maka keseluruhan sistem sastera Melayu lama disusun semula. Menurut Braginsky (1994: 2) sfera yang ketiga ini yang menduduki tempat tertinggi dalam sistem sastera klasik, ialah sfera kesempurnaan rohani, atau sfera kamal, yang bermatlamat untuk menyucikan kalbu rohani, atau kalbu nurani manusia, iaitu sebuah alat penghayatan intuitif Haq Ter’ala. Contoh karya di bawah sfera ini ialah hikayat-hikayat agiografi dan alegori sufi.

Nilai Dalam Pantuan Melayu

Nilai boleh difahami sebagai ukuran yang diberikan oleh individu tentang sesuatu atau perlakuan, baik atau buruk, halus atau kasar, tinggi atau rendah, dan cantik atau tidak berasaskan kepada kelaziman atau kebiasaan dalam sesuatu masyarakat. Anggota masyarakat dapat menyatakan ukuran nilai dalam menentukan sesuatu atau perlakuan berasaskan kepada pengalaman yang diterimanya melalui proses sosialisasi. Nilai dipupuk secara berpanjangan dalam proses sosialisasi individu. Dalam memupuk nilai itu masyarakat menyediakan berbagai-bagai saluran, seperti keluarga, rakan-rakan sebaya, pendidikan dan kelompok masyarakat. Walau bagaimanapun, nilai-nilai sosial yang dipupuk dalam masyarakat itu mempunyai kepentingan dan keperluan yang berupa secara bersama (Wan Abdul Kadir, 2000: 4)

Nilai dalam pantun Melayu adalah dikongsi bersama masyarakat. Sejajar dengan dunia pantun Melayu yang berada di bawah lingkungan dunia partisipatoris (penyertaan) dan dunia kolektif (collective) yang bermaksud pantun adalah hak milik bersama masyarakat. Ia boleh dituturkan oleh sesiapa sahaja dan tidak bersifat kepunyaan. Dalam pemupukan nilai yang ada dalam pantun, ia menjadi sudut pandangan masyarakat yang membinanya

berteraskan adat dan agama. Jati diri Melayu berasaskan bendungan kawalan sosial yang tertakluk dalam dunia kolektif masyarakat Melayu tradisi.

Contohnya, berkaitan dengan nilai adab. Dalam pantun Melayu banyak diujarkan tentang nilai adab yang perlu dipatuhi oleh masyarakat dan wujudnya pengajaran kepada masyarakat sekiranya sesuatu adab itu tidak dipatuhi. Ia mungkin akan dikenakan tekanan sosial oleh masyarakat, agama dan sistem adat itu sendiri. Maka, nilai yang baik dalam pantun Melayu boleh membentuk jati diri orang Melayu untuk menjadi lebih beradab dan baik. Contoh pantun tentang adab:

Kalau bertanak dengan menggulai
Mengacau gulai pecah isinya
Kalau gelak nak jangan mengilai
Kalau mengilai rendah budinya.

(Tenas Effendy 2004: 84)

Biar orang mencabut cendawan
Kita mencabut padi kan mati
Biar orang berebut bangsawan
Kita berebut budi pekerti

(Tenas Effendy 2004: 109)

Contoh pantun di atas ialah mengenai adab dan perilaku seseorang supaya tidak ketawa dengan kuat sehingga mengilai, ia memberi gambaran tentang adab yang tidak baik dan wajar dihindari. Ia bersesuaian dengan agama Islam yang melarang kita daripada sifat riak, sombong dan takbur. Sikap ketawa dengan sekuat hati dan mengilai yang digambarkan boleh menyebabkan seseorang itu mudah menjadi sombong dan riak sehingga harga dirinya menjadi rendah pada pandangan masyarakat di sekelilingnya.

Jati Diri Melayu

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007: 613) jati diri bermaksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya) yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dan sebagainya, identiti: pembinaan negara Malaysia lebih berteraskan kekuatan bangsa dan semangat patriotik yang utuh. Setelah sekian lama, pemupukan nilai jati diri telah dilakukan oleh masyarakat Melayu tradisi dalam pantun Melayu. Terandung di dalam pantun Melayu peri adab dan nilai dalam masyarakat Melayu yang harus dipatuhi dan telah menjadi suatu konvensi yang dipersetujui bersama.

Pendidikan yang diterima oleh masyarakat Melayu tradisi adalah tidak formal iaitu pendidikan yang diperoleh secara langsung daripada ahli keluarga dan masyarakat di sekeliling mereka. Pendidikan asas ini menerapkan ilmu agama Islam yang berperanan penting dalam mengisi keperluan hidup bermasyarakat berlandaskan norma adat dan agama. Tokoh-tokoh ilmu agama disanjung tinggi dan dihormati dalam masyarakat kerana peranan mereka dalam memberikan ilmu dan perkembangan ilmu agama ini berkembang pesat sehingga wujudnya sekolah-sekolah pondok. Guru-guru agama di peringkat kampung sangat dihormati dan pendidikan secara formal telah berkembang melalui sistem sekolah pondok.

Pengetahuan tentang ilmu agama diterapkan dalam pantun sehingga wujudnya banyak pantun nasihat yang disesuaikan dengan panduan dan syariat beragama.

Fungsi pantun nasihat adalah untuk mengajar. Terserai di dalamnya peri adab dan nasihat yang digunakan dan diamalkan dalam ruang lingkup masyarakat Melayu tradisional. Pendekatan malu dan budi bahasa amat akrab dengan masyarakat Melayu tradisi. Menurut Wan Abdul Kadir (2000: 56) konsep malu yang digunakan dalam masyarakat Melayu boleh membawa dua pengertian atau makna. Pertama, malu yang membawa pengertian segan atau kurang selesa untuk melakukan sesuatu. Misalnya malu bertanya sesat jalan, malu makan akan lapar, dan malu bekerja akan menjadi miskin. Sikap malu seperti ini amat merugikan seseorang dan boleh membawa kesan buruk. Perasaan malu yang timbul seperti itu boleh dianggap suatu sikap yang negatif dan boleh mempengaruhi orang Melayu menjadi lemah. Sikap malu seperti ini selalu pula difahami sebagaimana malu dalam maksud yang kedua, iaitu rasa malu kerana melakukan kesalahan.

Konsep malu yang dipupuk dalam masyarakat Melayu adalah bersesuaian dengan nilai-nilai Islam, iaitu perasaan hina kerana melakukan penyelewengan atau kesalahan. Perasaan malu yang berkaitan dengan perlakuan-perlakuan yang boleh membawa malu kepada siri seseorang sangat ditekankan oleh orang-orang Melayu, terutama semasa mendidik anak-anak. Semasa kecil lagi anak-anak dididik supaya mereka dapat memahami dan membezakan perlakuan-perlakuan yang boleh membawa malu dan tidak. Perbuatan yang memalukan ialah apabila melibatkan dengan kes-kes penyelewengan atau kesalahan. Semakin besar kesalahan yang dilakukan oleh seseorang bermakna semakin meningkat perasaan malu yang dirasainya (Wan Abdul Kadir, 2000: 57).

Pendidikan dan pemupukan nilai tentang konsep malu ini dapat memberi kefahaman kepada masyarakat tentang jati diri Melayu itu sendiri. Mereka perlu menjaga maruah dan harga diri serta adab sebagai orang Melayu. Antara pantun yang mengingatkan kita supaya tidak melakukan kesalahan-kesalahan ialah:

Tembuk labu di balik peti
Daun cabai dipatuk balam
Menengok Penghulu asyik berjudi
Turun Wak Lebai menyabung ayam.

(Tenas Effendy 2004: 141)

Banyaklah ungka perkara ungka
Besarlah ungka nak dari biawak
Banyaklah durhaka perkara durhaka
Besarlah durhaka ke ibu bapak.

(Tenas Effendy 2004: 82)

Jangan suka meratah kerang
Kerang dipanci menelan cuka
Jangan suka memfitnah orang
Orang benci Tuhan pun murka

(*Tunjuk Ajar dalam Pantun Melayu*: 80)

Selain daripada nilai “malu” (dalam konteks melakukan kesalahan) yang terdapat dalam pantun Melayu tradisi, nilai budi bahasa juga dilihat amat penting dalam membentuk akhlak yang baik. Jati diri orang Melayu juga merujuk kepada nilai budi bahasa yang ada dalam diri mereka.

Orang-orang Melayu dalam memupuk nilai-nilai sosial amat menekankan kepada budi bahasa dan tatasusila. Perlakuan yang berlandaskan kepada keperluan ini dianggap dapat memenuhi nilai-nilai yang dikehendaki secara tradisi. Berasaskan kepada nilai-nilai ini mempengaruhi tradisi budaya yang diwarisi. Dalam masyarakat tradisi, budi bahasa itu mempunyai kedudukan penting dalam menentukan kedudukan dan kebaikan seseorang. Budi bahasa itu tidak boleh dijual beli dan daripada perlakuan yang berasaskan kepada budi bahasa itu dapat menerangkan kedudukan dan kebaikan seorang itu dalam masyarakat. Memandangkan kepada pentingnya persoalan ini, maka ibu bapa sangat menekankan hal ini kepada anak-anak mereka. Pembentukan budi bahasa itu dapat melahirkan individu yang dapat menunjukkan perlakuan yang dipandang tinggi dan dihormati oleh orang ramai (Wan Abdul Kadir, 2000: 104). Maka peranan pantun dilihat dapat memberi maksud kepada didikan tentang nilai budi bahasa dalam masyarakat Melayu. Contoh pantun ialah:

Jangan suka nak merapah pagar
Merapah pagar kaki terpuruk
Jangan suka nak berkata kasar
Berkata kasar budinya buruk

(Tenas Effendy 2004: 80)

Jangan suka menetak rebung
Rebung itu banyak buluhnya
Jangan suka berlagak sombong
Sombong itu banyak musuhnya.

(Tenas Effendy 2004: 80)

Sifat budi bahasa yang baik dan sifat “malu” yang tinggi melambangkan wajah bangsa Melayu yang mempunyai jati diri yang baik. Tertanam di dalam pemikiran mereka bahawa kedua-dua nilai ini saling berhubungkait di antara satu sama lain. Sekiranya masyarakat Melayu melanggar tatasusila adab yang telah tertanam dalam pemikiran masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi maka mereka akan menerima suatu tekanan sosial sama ada dari segi undang-undang, masyarakat dan agama. Dalam agama Islam, sifat budi bahasa yang baik dan lemah lembut adalah kunci kepada semua kebaikan. Menurut Ali-‘Imran yang dipetik dalam Aid bin Abdullah Al-Qarni (2011:910) Maka disebabkan rahmat dari Allahlah kamu menjadi berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauh dari sekelilingmu.

Dalam pantun Melayu juga terdapatnya nilai-nilai luhur agama seperti:

1. Nilai iman
2. Nilai ibadah
3. Nilai akhlak

Contoh pantun yang mengandungi nilai-nilai agama adalah seperti berikut:

Banyaklah rajut perkara rajut
Rajut bertali bunga bercanggah
Banyaklah sujud perkara sujud
Sujud sejati kepada Allah

(Tenas Effendy 2004: 113)

Kalau merenda supaya indah
Tekat tenun beri berjambul
Kalau meminta kepada Allah
Lambat laun pasti terkabul

(Tenas Effendy 2004: 115)

Islam mengajar penganutnya-penganutnya supaya sentiasa menjauhkan daripada perlakuan yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Dalam perkembangan peraturan sosial, seperti adat tradisi juga menekankan kepada kepentingan moral dan akhlak. Orang-orang Melayu amat menekankan tentang kepentingan bersama, moral dan akhlak (Wan Abdul Kadir, 2000:36). Justeru perilaku nilai dalam masyarakat Melayu adalah dikawal oleh agama, adat dan adab yang melingkari mereka.

Kesimpulan

Konklusinya, nilai keindahan dan pengajaran yang terdapat dalam pantun Melayu menjadi suatu wadah sumber hiburan dan pemikiran masyarakat Melayu tradisi. Pemupukan nilai jati diri dalam pantun Melayu contohnya nilai “malu” dan “budi bahasa” dapat menunjukkan perilaku tentang cara bagaimana masyarakat Melayu beradab walaupun merentasi zaman. Walaupun pantun penuh dengan sumber hiburan yang dapat menancap mata indera namun ia juga penuh dengan sumber sfera faedah yang terkandung di dalamnya unsur-unsur didaktik dan pengajaran kepada khalayak pendengar. Justeru orientasi nilai jati diri dalam pantun Melayu adalah terdiri daripada adat dan Islam sebagai sumber nilai, dan kedua hidup beragama, bermasyarakat dan berkeluarga yang melingkungi masyarakat Melayu tradisi dan dibendungi oleh sistem konvensional yang menuntut masyarakat tradisi patuh kepada norma-norma yang baik dalam masyarakat. Maka kepatuhan kepada nilai yang ada dalam tradisi menjadikan nilai jati diri masyarakat Melayu masih utuh sehingga kini terutamanya dalam mendidik anak-anak kecil sehingga remaja. Nilai yang baik yang terkandung di dalam pantun Melayu boleh menjadikan masyarakat Melayu berbudi pekerti mulia dan mempunyai jati diri yang kukuh merentasi masa, benua dan zaman. Maka, berdasarkan kepada sfera indah dan sfera faedah, pantun dilihat memainkan peranan yang besar dalam pemupukan nilai jati diri dalam masyarakat Melayu. Pantun yang baik adalah pantun yang dapat memberikan nilai didaktik dan bukanlah hiburan semata-mata sahaja.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan “Manifestasi Akal Budi Melayu Dalam Komunikasi Superior-Subordinate di Tempat Kerja: Kajian Dalam Kalangan Warga Kerja Melayu-Malaysia dan Melayu Brunei di bawah *Geran Regional Cluster for Research and*

Publication (RCRP) 2016-2018, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang melibatkan penyelidik bersama daripada tiga universiti lain iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Islam Sains Malaysia (USIM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM), UKM di atas sokongan dan galakan yang diberikan oleh kepada pasukan penyelidik.

Rujukan

- Aidh bin Abdullah Al-Qarni (2011). *La Tahzan*. Noraine Abu (peny). Selangor: AlHidayah Publications.
- A. Halim Ali, Mana Sikana & Mohd Rosli Saludin (2011). *Prosiding Sastera Membina Peradaban Bangsa*. Budiman Malaysia.
- Braginsky V.I (1994). *Nada-nada Islam dalam Sastera Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Braginsky V.I (1994). *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky V.I (1998). *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal: Sejarah Sastera Melayu dalam Abad 7-19*. Jakarta Inis.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazimah bt Zakaria (2011). *Kajian Teks Hikayat Melayu Versi Tengku Said*. Universiti Malaya (PhD)
- Tenas Effendy (2004). *Tunjuk Ajar dalam pantun Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu
- Wan Abdul Kadir (2000). *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-Orang Melayu*. Masfami Enterprise.